



GARIS PANDUAN SKIM SEMINAR STAF AKADEMIK

TUJUAN

Garis Panduan Skim Seminar Staf Akademik Universiti Utara Malaysia (UUM) bertujuan untuk menerangkan peraturan dan tatacara untuk menghadiri seminar/persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (dalam dan luar negara).

SKIM-SKIM YANG DITAWARKAN

1) SKIM A

a) Tahap Seminar

- i) Seminar hendaklah bertaraf antarabangsa (luar negara) dan berimpak tinggi.
- ii) Pegawai yang membentangkan kertas kerja menerima jemputan sebagai pembentang Institusi Panel.
- iii) Penyertaan pegawai adalah sebagai *keynote address**.
- iv) Penyertaan seminar adalah dari ahli sarjana dunia.

b) Pembiayaan

Universiti akan membiayai 100% kos (yuran dan tuntutan perjalanan) dari peruntukan vot luar negara yang dipusatkan di Canselori.

c) Kelulusan

- i) Kelulusan hendaklah diperolehi dari Jawatankuasa Pengurusan Universiti.
- ii) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh seminar.

d) Output

- i) Kertas seminar diterbitkan di dalam prosiding atau jurnal berwasit atau *monograph* (mana-mana penerbit) dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh seminar.
- ii) Sekiranya kertas seminar tidak diterima untuk diterbitkan di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dua belas (12) bulan dari tarikh seminar atau persidangan, potongan gaji akan dibuat ke atas pegawai terbabit untuk tempoh dua belas (12) bulan.
- iii) Walau bagaimanapun, sekiranya pemohon berjaya menerbitkan artikel selepas potongan gaji dibuat, maka universiti akan membayar balik keseluruhan jumlah gaji yang telah dibuat potongan tersebut.
- iv) Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan seminar bagi mana-mana skim (kecuali Skim D) pada tahun berikutnya.
- v) Penerbitan juga hendaklah dimajukan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy*.

e) Kelayakan Memohon

Staf bertaraf **Tetap** sahaja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan.

CATATAN:

- * **Keynote** merupakan kertas konsep yang mendepani pemikiran di dalam sesuatu bidang.

2) SKIM B

a) Tahap Seminar

- i) Seminar hendaklah bertaraf antarabangsa (luar negara).
- ii) Penyertaan pegawai adalah sebagai pembentang kertas kerja.

b) Pembiayaan

- i) Yuran penyertaan maksimum dibiayai oleh Universiti sebanyak USD1,500.00 setahun.
- ii) Peruntukan maksimum tuntutan perjalanan rasmi adalah sebanyak RM10,000.00 bagi setiap penyertaan seminar. Sebanyak 75% dibayar

sebagai pendahuluan* dan 25% dibayar selepas penerbitan diterima. Tempoh penerbitan ialah dua belas (12) bulan selepas tarikh seminar.

- iii) Peruntukan Vot Skim Seminar Staf Akademik Luar Negara yang dipusatkan di Canselori.

c) Kelulusan

- i) Kelulusan hendaklah diperolehi dari Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
- ii) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh seminar.

d) Output

- i) Kertas seminar perlu diterbitkan di dalam **ISI Web of Science atau SCOPUS** dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh seminar.
- ii) Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan seminar bagi mana-mana skim (kecuali Skim D) pada tahun berikutnya.
- iii) Kertas seminar yang diterbitkan dalam perkara (d)(i) di atas hendaklah dikemukakan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* sebagai penerbitan Universiti.

e) Kelayakan Memohon

Staf bertaraf Tetap sahaja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan.

CATATAN:

* **Pendahuluan** adalah:

- i) Wang yang didahulukan oleh Universiti kepada pegawai dengan mengisi Borang Pendahuluan di Pusat Tanggungjawab masing-masing.
- ii) Wang pendahuluan ini akan dianggap sebagai hutang pegawai kepada Universiti.
- iii) Dalam Skim ini pegawai tidak perlu mengemukakan Borang Tuntutan Perjalanan sebaliknya mengemukakan Penyata Perbelanjaan Pendahuluan bagi menyelaraskan hutang.

- iv) Sekiranya kertas seminar tidak diterima untuk diterbitkan di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dua belas (12) bulan dari tarikh seminar atau persidangan, gaji staf terbabit akan dipotong untuk tempoh dua belas (12) bulan bagi menyelaraskan pendahuluan yang telah diambil.
- v) Walaubagaimanapun, sekiranya pemohon berjaya menerbitkan artikel selepas potongan gaji dibuat, maka universiti akan membayar balik keseluruhan jumlah gaji yang telah dibuat potongan tersebut.

3) SKIM C

a) Tahap Seminar

Seminar hendaklah di peringkat antarabangsa (luar negara).

b) Pembiayaan

- i) Yuran penyertaan maksimum dibiayai oleh Universiti sebanyak USD500.00 setahun.
- ii) Tuntutan perjalanan adalah seperti berikut:
 - a) Pensyarah dibiayai sebanyak 70% dari kelayakan tugas rasmi;
 - b) Pensyarah Kanan dibiayai sebanyak 40% dari kelayakan tugas rasmi;
 - c) Prof. Madya dibiayai sebanyak 25% dari kelayakan tugas rasmi;
 - d) Profesor dibiayai sebanyak 15% dari kelayakan tugas rasmi.
- iii) Peruntukan Vot Skim Seminar Staf Akademik Luar Negara yang dipusatkan di Canselori.
- iv) Kadar kelayakan hotel adalah berdasarkan peratus had kelayakan maksimum masing-masing yang telah ditetapkan oleh universiti.
- v) Maksimum penyertaan adalah sekali setahun.

c) Kelulusan

- i) Kelulusan hendaklah diperolehi dari Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
- ii) Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengajian sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh seminar.

d) Output

- i) Kertas seminar diterbitkan dalam prosiding (ISBN) atau jurnal di peringkat tempatan atau antarabangsa yang berindeks atau bab dalam karya suntingan (*chapter in edited book*) dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh seminar.
- ii) Sekiranya kertas seminar tidak diterima untuk diterbitkan di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dua belas (12) bulan dari tarikh seminar atau persidangan, potongan gaji akan dibuat ke atas staf terbabit untuk tempoh dua belas (12) bulan.
- iii) Walaubagaimanapun, sekiranya pemohon berjaya menerbitkan artikel selepas potongan gaji dibuat, maka universiti akan membayar balik keseluruhan jumlah gaji yang telah dibuat potongan tersebut.
- iv) Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan seminar bagi mana-mana skim (kecuali Skim D) pada tahun berikutnya.
- v) Kertas seminar yang diterbitkan dalam prosiding atau jurnal atau bab dalam karya suntingan hendaklah dikemukakan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* sebagai penerbitan Universiti.

e) Kelayakan Memohon

Staf bertaraf Tetap sahaja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan.

4) SKIM D

a) Tahap Seminar

- i) Seminar adalah peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- ii) Penyertaan adalah sebagai pembentang kertas kerja.

b) Pembiayaan

- i) Had pembiayaan dari Geran Penyelidikan adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- ii) Ahli penyelidik geran boleh menggunakan peruntukan dengan kebenaran Ketua Penyelidik.

c) Kelulusan

- i) Sokongan RIMC dan kelulusan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

- ii) Borang Permohonan Menghadiri Seminar beserta Lampiran A hendaklah dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh seminar.

d) Output

- i) Kertas seminar diterbitkan dalam prosiding (ISBN) atau jurnal di peringkat tempatan atau antarabangsa yang berindeks dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh seminar.
- ii) Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan seminar bagi mana-mana skim pada tahun berikutnya.
- iii) Kertas seminar yang diterbitkan dalam prosiding atau jurnal hendaklah dikemukakan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* sebagai penerbitan Universiti.

e) Kelayakan Memohon

Staf bertaraf Tetap sahaja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan.

5) SKIM E

a) Tahap Seminar

Seminar boleh di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

b) Pembiayaan

Dibiayai sepenuhnya oleh staf berkenaan.

c) Kelulusan

- i) Kertas kerja perlu dibentangkan di peringkat Pusat Pengajian terlebih dahulu.
- ii) Bagi seminar dalam negara, kelulusan diperolehi daripada Dekan Pusat Pengajian.
- iii) Bagi seminar luar negara, kelulusan diperolehi daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

d) Output

- i) Kertas seminar diterbitkan dalam prosiding (ISBN) atau jurnal berwasit dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh seminar.
- ii) Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan seminar bagi mana-mana skim (kecuali Skim D) pada tahun berikutnya.
- iii) Kertas seminar yang diterbitkan dalam prosiding atau jurnal hendaklah dikemukakan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* sebagai penerbitan Universiti.

e) Kelayakan Memohon

Staf bertaraf Tetap/Kontrak/Pelawat/Felo.

6) SKIM F

a) Tahap Seminar

Seminar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang diadakan dalam Malaysia atau seminar antarabangsa yang diadakan di negara ASEAN.

b) Pembiayaan

- i) Yuran penyertaan dan tuntutan perjalanan (*all in*) bagi setiap penyertaan adalah seperti berikut:
 - a) Semenanjung Malaysia (*all in*) - maksimum RM1,500.00.
 - b) Sabah, Sarawak dan negara ASEAN (*all in*) – maksimum RM2,500.00.
- ii) Had pembiayaan adalah sama untuk semua kategori staf akademik.
- iii) Pembiayaan adalah termasuk yuran penyertaan, hotel, elaun harian, elaun makan serta tuntutan perjalanan. Staf adalah tidak dibenarkan untuk membuat lain-lain tuntutan berkaitan seminar ini.
- iv) Bagi seminar peringkat antarabangsa yang diadakan di negara ASEAN, peruntukan adalah menggunakan peruntukan vot skim seminar staf akademik luar negara yang dipusatkan di Canselori.

c) Kelulusan

- i) Bagi seminar dalam negara (termasuk Sabah dan Sarawak), kelulusan diperolehi daripada Dekan Pusat Pengajian.
- ii) Bagi seminar yang diadakan di negara ASEAN, kelulusan perlu diperolehi daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

d) Output

- i) Kertas seminar diterbitkan dalam prosiding (ISBN) atau jurnal berwasit dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh seminar.
- ii) Sekiranya kertas seminar tidak diterima untuk diterbitkan di dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dua belas (12) bulan dari tarikh seminar atau persidangan, potongan gaji akan dibuat ke atas staf terbabit untuk tempoh dua belas (12) bulan.
- iii) Walaubagaimanapun, sekiranya pemohon berjaya menerbitkan artikel selepas potongan gaji dibuat, maka universiti akan membayar balik keseluruhan jumlah gaji yang telah dibuat potongan tersebut.
- iv) Penerbitan ini merupakan syarat untuk permohonan seminar bagi mana-mana skim (kecuali Skim D) pada tahun berikutnya.
- v) Kertas seminar yang diterbitkan dalam prosiding atau jurnal hendaklah dikemukakan kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah dalam bentuk *hardcopy* dan *softcopy* sebagai penerbitan Universiti.

e) Kelayakan Memohon

- vi) Staf bertaraf Tetap sahaja dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya enam (6) bulan.
- vii) Staf gred DS45 hingga DS52 boleh menyertai seminar sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- viii) Staf gred DS53 dan ke atas, penyertaan adalah dalam seminar di peringkat kebangsaan sahaja.

SYARAT UMUM

1) Penyertaan Seminar

- i) Pensyarah dibenarkan menghadiri seminar maksimum empat (4) kali setahun. Walau bagaimanapun pihak Universiti hanya akan membiayai penyertaan dalam 2 seminar setahun bagi mana-mana kombinasi Skim A, B, C dan F tertakluk kepada perkara berikut:

“Penyertaan dalam Skim F hanya akan dibiayai sekali sahaja setahun. Walau bagaimanapun, sekiranya peruntukan dalam vot Pusat Pengajian masih ada, Dekan Pusat Pengajian boleh meluluskan penyertaan seterusnya menggunakan Skim F bagi staf gred DS45 hingga DS52 sahaja”

- ii) Pensyarah dari satu (1) kumpulan penyelidikan adalah tidak digalakkan untuk menghadiri seminar yang sama.
- iii) Pensyarah yang menyertai dua (2) atau lebih penyelidikan digalakkan membentangkan kertas kerja dari penyelidikan berkenaan dalam mana-mana satu seminar yang sama. Yuran bagi kertas kerja kedua dan seterusnya akan dibiayai oleh pihak universiti.
- iv) Pensyarah tidak dibenarkan memohon pembiayaan daripada 2 skim yang berbeza untuk satu seminar pada bila-bila masa.

2) Pembentangan Kertas Seminar di Pusat Pengajian

- i) Kaedah penilaian kertas seminar untuk staf berjawatan Profesor atau Profesor Madya adalah memadai dengan penilaian oleh “*peer review*” dan disahkan oleh Dekan tanpa perlu membuat pembentangan.
- ii) Kaedah penilaian kertas seminar untuk staf akademik gred DS52 dan ke bawah perlu dibentangkan di peringkat Pusat Pengajian terlebih dahulu.

3) Pensyarah yang tamat tempoh cuti belajar tetapi belum memperoleh PhD

Pensyarah dibenarkan memohon seminar di bawah Skim E dan F sahaja dengan syarat kertas kerja yang akan dibentangkan adalah berkaitan dengan pengajian Ph.D pemohon.

Tarikh kemaskini: 27 Januari 2015